



**JABATAN PERTANIAN MALAYSIA**  
(*Department of Agriculture Malaysia*)  
WISMA TANI  
ARAS 17, NO. 30 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4, 62624 PUTRAJAYA



Tel : 603-8870 3133/ 3038  
Faks : 603-8870 3044  
Portal : [www.doa.gov.my](http://www.doa.gov.my)  
E-mel : [pro@doa.gov.my](mailto:pro@doa.gov.my)

## KENYATAAN MEDIA

### PERMIT / LESEN TAPAK PERKHEMAHAN FATHER'S ORGANIC FARM

PUTRAJAYA, 21 Disember 2022 - Merujuk kepada laporan berita yang disiarkan pada 20 Disember 2022 oleh Malaysiakini dan The Vibes, semasa sidang media di Kuala Lumpur yang dinyatakan oleh jurucakap tapak perkhemahan itu, Frankie Tan, bahawa pelbagai agensi kerajaan termasuk memetik nama Jabatan Pertanian Malaysia (DOA). Justeru, Jabatan ini menegaskan dakwaan tersebut adalah **TIDAK BENAR** dan ingin memaklumkan bahawa peranan DOA adalah hanya **memberi khidmat nasihat berkaitan proses dan kaedah untuk mendapatkan pensijilan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) serta lawatan berkaitan proses pensijilan tersebut** di Father's Organic Farm.

DOA khususnya Pejabat Pertanian Daerah Hulu Selangor **TIDAK PERNAH memberi ulasan atau berbincang berkenaan perkara tersebut** kepada pengusaha Father's Organic Farm berkaitan permit tapak perkhemahan dan sebagainya kerana perkara tersebut adalah di luar bidang kuasa DOA. Selain itu, DOA tidak mempunyai autoriti untuk memberi permit, lesen atau khidmat nasihat kepada mana-mana pengusaha yang menyediakan tapak perkhemahan.

DOA berfungsi untuk memberikan khidmat pengembangan pertanian dalam pengeluaran bahan makanan yang mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan serta menguatkuasakan akta-akta yang menjaga keselamatan, kualiti dan melindungi industri pertanian negara dari ancaman perosak dan penyakit serta memudahkan perdagangan antarabangsa.

**Disediakan oleh;**

**Jabatan Pertanian Malaysia (DOA)**

**Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS)**